

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK ROZMAN BIN ISLI

TARIKH: 14 OKTOBER 2014

SOALAN:

Datuk Rozman bin Isli [labuan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah keberkesanan program yang dipertanggungjawab kepada agensi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dalam usaha memperkukuhkan dan menaik taraf Pelan Pembangunan Modal Insan Nasional yang boleh diguna pakai untuk menganjukkan daya saing sumber manusia di Malaysia, setaraf dengan penyediaan latihan pengurusan dan pembangunan sumber manusia negara maju seperti *Society of Human Resources Management (SHRM)* di Amerika Syarikat dan *Chartered Institute of Personal Development (CIPD)* di United Kingdom.

PR-1323-L65326

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), selaku agensi dibawah Kementerian Sumber Manusia yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dana Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM), sememangnya amat

menitikberatkan akan kesan penggunaan dana KWPSM tersebut ke atas industri, khususnya, para majikan berdaftar.

2. Kajian Keberkesanan Skim PSMB (*Effectiveness Study of HRDF Schemes*) yang dijalankan pada tahun 2010 mendapati bahawa skim-skim PSMB telah berjaya meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pekerja. Melalui penggunaan dana KWPSM ini juga, majikan didapati telah berjaya meningkatkan kualiti produk serta perkhidmatan dan tahap produktiviti mereka. Keadaan ini sekaligus telah berjaya membantu majikan meningkatkan keuntungan syarikat.